

PERATURAN PERMAINAN BOLA TAMPAR

1. PERATURAN TEKNIKAL

1.1 Undang – undang Permainan

1.1.1 Peraturan ini dijalankan mengikut undang-undang Persekutuan Bola Tampar Antarabangsa (FIVB).

1.2 Perkara Yang Tidak Dinyatakan

1.2.1 Rujuk Peraturan Am SUKIPT V, 2020.

2. PERATURAN PERTANDINGAN

2.1 Acara / Kategori yang dipertandingkan.

2.1.1 Kategori Berpasukan Lelaki dan Wanita

2.2 Pendaftaran dan Pembentukan Pasukan

2.2.1 Tiap-tiap pasukan dibenarkan mendaftar tidak lebih daripada 12 orang pemain, 1 pengurus dan 1 jurulatih bagi satu pasukan. Bilangan pemain dan pegawai bagi setiap pasukan adalah seperti berikut:

SUKAN	ATLET		PEGAWAI		JUMLAH
	LELAKI	WANITA	LELAKI	WANITA	
Berpasukan	12	12	2	2	28

2.2.2 Pendaftaran pemain hendaklah disampaikan kepada Jawatankuasa Pengelola sebelum pertandingan pertama dimulakan.

2.2.3 Hanya pemain-pemain yang berdaftar dalam borang pendaftaran sahaja dibenarkan bermain dalam pertandingan ini.

2.2.4 Setiap pasukan dibenarkan mempunyai “LIBERO” (1 orang) semasa pertandingan dijalankan.

2.3 Sistem Pertandingan

2.3.1 Rujuk Perkara 9 Peraturan Am SUKIPT V, 2020.

2.3.2 Pusingan awal sehingga suku akhir, ditentukan dengan dua (2) set dari tiga (3) set permainan.

2.3.3 Pusingan separuh akhir dan tempat Ke-3 dan 4 ditentukan dengan tiga (3) set dari lima (5) set permainan.

2.3.4 Setiap set dimainkan dengan kiraan mata 25. Set ketiga atau set penentuan dimainkan dengan kiraan mata 15.

2.3.5 Set pertama, kedua, ketiga dan keempat (pusingan awal, suku akhir, separuh akhir, ke - 3 & 4 serta perlawanan akhir) sekiranya kedudukan terikat 24 sama, pemenang akan ditentukan dengan perbezaan 2 mata (Duece).

2.3.6 Cara Memutuskan Keputusan Perlawanan :

2.3.6.1 Mata kemenangan akan diberikan seperti berikut :

Menang	-	2 mata
Kalah	-	1 mata
Kalah tanpa bertanding	-	0 mata

2.3.7 Jika terdapat pasukan-pasukan mendapat jumlah mata, maka pemenang akan ditentukan mengikut kaedah seperti berikut:-

2.3.7.1 Nisbah Mata (M)
 $M = \frac{\text{Jumlah mata menang (semua perlawanan)}}{\text{Jumlah mata kalah (semua perlawanan)}}$

2.3.7.2 Jika masih seri, Nisbah set tertinggi (S),
 $S = \frac{\text{Jumlah set menang (semua perlawanan)}}{\text{Jumlah set kalah (semua perlawanan)}}$

2.3.7.3 Jika masih seri,
 $S1 = \frac{\text{Jumlah set menang (antara pasukan yang terlibat)}}{\text{Jumlah set kalah (antara pasukan yang terlibat)}}$

2.3.7.4 Jika masih seri,
 $M1 = \frac{\text{Jumlah mata menang (antara pasukan yang terlibat)}}{\text{Jumlah mata kalah (antara pasukan yang terlibat)}}$

2.3.7.5 Jika sekiranya masih terdapat persamaan antara dua (2) pasukan, maka keputusan perlawanan yang telah diadakan diantara kedua-kedua pasukan tersebut akan diambilkira. Pasukan yang pernah menang diperlawanan tersebut dikira menang.

2.3.7.6 Sekiranya masih tidak boleh ditentukan pemenang antara (3) atau lebih pasukan, maka cabutan undi akan dijalankan.

2.4 Kelewatan

2.4.1 Hanya 15 minit sahaja akan diberikan kepada sesuatu kepada pasukan yang lewat dan selepas itu lawannya akan diberi kemenangan percuma dengan kiraan 25-0, 25-0.

2.5 Perlawanan Yang Ditunda Atau Diberhentikan

2.5.1 Sekiranya pengadil berpendapat gelanggang tidak sesuai untuk dimainkan disebabkan oleh keadaan cuaca atau kerana hal-hal cuaca tidak dijangkakan, permainan itu tidak dapat dimainkan atau sekiranya sesuatu perlawanan diberhentikan akibat hal-hal diluar kawalan kedua-dua pasukan dan sekiranya melebihi 4 jam keputusan berikut akan diikuti :-

2.5.1.1 Sekiranya bermain semula digelanggang yang sama, set yang tergendala akan disambung semula dengan mata, pemain dan kedudukan pemain yang sama.

2.5.1.2 Set yang telah dimainkan dahulunya dikekalkan keputusannya.

2.5.1.3 Sekiranya perlawanan dimainkan digelanggang yang lain, set yang sedang dimainkan dikira batal dan dimainkan semula dengan pemain-pemain yang sama.

2.5.1.4 Set yang telah dimainkan dahulu dikekalkan keputusannya.

2.5.2 Sekiranya berlaku gangguan perlawanan melebihi 4 jam, maka keseluruhan perlawanan akan dimainkan semula.

3. PAKAIAN

3.1 Pakaian yang bersesuaian dengan permainan Bola Tampar.

3.2 Pakaian seragam mengikut Peraturan FIVB.

4. HADIAH

4.1 Rujuk Perkara 16 Peraturan Am SUKIPT V, 2020.

4.2 Jumlah pingat yang ditawarkan :

ACARA / KATEGORI	EMAS		PERAK		GANGSA	
	Ditawarkan	Jumlah	Ditawarkan	Jumlah	Ditawarkan	Jumlah
Lelaki	1	12	1	12	1	12
Wanita	1	12	1	12	1	12
JUMLAH	2	24	2	24	2	24